

UMS-AJKK beri sumbangan kepada penduduk Kg Pengkalan Mengkapon

NSI 11.7.2019 2
PITAS: Jawatankuasa Kebajikan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) serta Persatuan Alumni FSSA memberi sumbangan mesin jahit dan pakaian kepada penduduk Kampung Pengkalan Mengkapon, di sini baru-baru ini.

Projek penyerahan mesin jahit itu adalah salah satu inisiatif Alumni FSSA sebagai program khidmat masyarakat untuk memberikan peluang kepada penduduk menjana pendapatan melalui aktiviti

menjahit pakaian.

Dua set mesin jahit didermakan oleh Akademi Jahitan Kota Kinabalu (AJKK) kepada dua penduduk kampung, iaitu Murni Mahaya dan Norlina Tuah.

Sumbangan disampaikan Dekan FSSA, Prof. Dr Baba Musta dengan disaksikan Timbalan Pengerusi Kelab Kebajikan FSSA, Dr Khalizan Sabullah; Penasihat Persatuan Alumni FSSA, Prof. Madya Dr. Darmesah Gabda dan Pen-

gurus AJKK, Alicia Lenson.

Dalam pada itu, Alicia ketika ditemui berkata sumbangan mesin jahit itu merupakan sumbangan awal dan sekiranya ada keperluan dan permintaan, pihaknya boleh meluaskan lagi sumbangan kepada penduduk lain.

"Kami di AJKK juga boleh mengadakan sesi latihan dan bengkel kemahiran untuk memberi bimbingan kepada penduduk kampung untuk menjahit pakaian," ujarnya.



SAMPAIKAN ... Prof. Dr Baba Musta (lirina kanan) menyampaikan mesin jahit kepada Norlina Tuah